

08/01/2004

Tergamam terima berita pelantikan

KUALA LUMPUR: Sebagai Penasihat Khas Kewangan Perdana Menteri, panggilan daripada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada kira-kira jam 9.50 pagi semalam dianggap oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop (gambar) sebagai satu panggilan biasa - daripada majikan kepada pekerja.

Bagi Nor Mohamed, panggilan daripada Perdana Menteri biasanya bermakna lebih kerja atau ada isu yang perlu diteliti. Sangkaan itu ternyata tidak meleset apabila Abdullah mengucapkan tahniah dan mendoakan kejayaan beliau selepas berkata: "Anda dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua."

Nor Mohamed, yang ketika itu berada di pejabatnya di Tingkat 3, Jabatan Perdana Menteri, tergamam dan hanya mampu mengucapkan terima kasih kepada Abdullah atas pelantikan itu.

Apa yang bermain di fikirannya ketika itu bukanlah pelantikan yang menempatkan beliau dalam barisan Kabinet atau kedudukan sebagai Menteri Kewangan, tetapi tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

"Perdana Menteri memberi kepercayaan kepada saya untuk melaksanakan tugas ini. Serta-merta saya dapat rasakan beratnya tanggungjawab yang diberikan itu," katanya kepada New Straits Times, sejurus selepas pelantikan itu diumumkan secara rasmi, semalam.

Anak tunggal daripada satu keluarga miskin di Butterworth, Pulau Pinang itu mengabadikan hampir separuh hayatnya dalam perkhidmatan awam. Walaupun kematian bapa ketika berusia 10 tahun, ia tidak mematikan semangatnya untuk berjaya dalam hidup.

Nor Mohamed memulakan tugas sebagai kerani di Bank Negara pada 1968 dan berusaha untuk menjejakkan kaki ke menara gading. Ternyata usaha gigihnya berbaloi. Dalam tempoh kurang 20 tahun, beliau berjaya memegang jawatan kanan sebagai seorang daripada lima Penasihat Bank Negara, satu kedudukan di bawah Timbalan Gabenor.

Ibunya meninggal dunia tiga tahun lalu, seminggu sebelum menjadi Penasihat Khas Kewangan Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Semalam, Nor Mohamed tidak menyangka sama sekali kesetiaannya dalam perkhidmatan awam dibalas dengan jawatan dalam Kabinet.

"Saya ingat saya akan menamatkan perkhidmatan sebagai penasihat Perdana Menteri," katanya.

Bagaimanapun, Nor Mohamed berazam untuk memberi yang terbaik dan untuk itu, memberi jaminan beliau dan keluarganya bersedia melakukan apa jua pengorbanan demi negara.

Senario itu bukanlah sesuatu yang asing bagi keluarga Nor Mohamed. Isterinya, Puan Sri Fauzia Mohd Abu Bakar, seorang pesara, sering mengingatkan pegawai muda yang terbabit dalam penstrukturan syarikat yang ada hubung kait dengan kerajaan supaya menghabiskan masa dengan keluarga dan anak-anak.

Beliau faham bagaimana keadaannya mempunyai suami yang bekerja siang malam sehingga tidak mempunyai cukup masa untuk isteri dan anak-anak.

Bekas Pengerusi Danaharta, Datuk Azman Yahya, bersetuju bahawa Nor Mohamed sememangnya seorang yang dedikasi, kuat bekerja dan banyak berkorban untuk negara.

"Pemilihan beliau amat tepat," katanya yang berpengalaman bekerja dengan Nor Mohamed sejak lima tahun lalu.

Ditanya mengenai cabaran yang bakal dihadapi berikutan pelantikan itu, Nor Mohamed berkata: "Krisis ekonomi sudah berlalu. Melihatkan kepada keadaan semasa, kita perlu menumpukan kepada pengurusan kewangan ekonomi,

dengan pemulihan berada di landasannya."

Beliau bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya langkah-langkah yang akan diambil sebagai Menteri Kewangan Kedua.

"Saya perlu melapor kepada majikan saya dan mendapat taklimat daripadanya terlebih dulu. Yang jelas, ini satu penghormatan untuk berkhidmat kepada negara. Saya akan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri dan kerajaan dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya.

"Saya memohon restu dan petunjuk daripada Allah supaya dapat memberi yang terbaik kepada negara," katanya.